

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HIA 101 – Pengantar Pengajian Islam

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Setiap soalan membawa nilai markah yang sama. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Antara teori tentang agama yang dikemukakan oleh beberapa ahli falsafah Barat ialah agama merupakan hasil pembohongan golongan elit untuk menipu masyarakat bawahan dan juga agama akan semakin terhapus apabila ilmu dan pemikiran manusia semakin maju. Dengan mengambil kira pernyataan al-Qur'an dan suasana tamadun dan keagamaan di Eropah dan Timur Tengah pada abad-abad pertengahan masihi, bincangkan sejauhmanakah benar atau tidak benarnya teori-teori ini.
[100 markah]
2. Huraikan perkara-perkara yang berikut:-
 - [a] **TIGA [3]** contoh keistimewaan aqidah Islam
[40 markah]
 - [b] *Tawhid Rububiyah*
[30 markah]
 - [c] *Tawhid Uluhiyyah*
[30 markah]

...2/-

3. Dalam zaman kemajuan sains dan teknologi yang pesat ini, terdapat usaha-usaha untuk memahami isyarat-isyarat al-Qur'an dalam banyak perkara yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Berdasarkan pernyataan ini,
- [a] Huraikan **DUA [2]** contoh daripadanya. [50 markah]
- [b] Bincangkan maksud jenis-jenis ayat al-Qur'an yang dinyatakan dibawah serta bawakan satu contoh bagi **setiap satunya**.
- [i] *Ayat Muhkamat*
[ii] *Ayat Mutasyabihat*
[iii] *Ayat Nasikh*
[iv] *Ayat Mansukh* [50 markah]
4. Antara hujah golongan anti hadis dalam menolak hujahan hadis sebagai satu dari sumber syari'ah Islamiyyah ialah al-Qur'an itu sendiri sudah lengkap dan sempurna.
- [a] Huraikan **TIGA [3]** dalil dari al-Qur'an yang membuktikan kehujahan al-sunnah. [50 markah]
- [b] Jelaskan **EMPAT [4]** peranan al-sunnah disisi al-Qur'an serta nyatakan contoh bagi setiap satunya. [50 markah]
5. Dua aspek utama dalam *Mu'amalat* Islam ialah aspek *tijariyy* dan *siyasiyy*. Dengan berdasarkan kepada dalil-dalil naqli dan aqli, huraikan **DUA [2]** prinsip utama bagi setiap satu aspek ini menurut syariat Islam serta jelaskan kesesuaiannya dengan zaman sekarang. [100 markah]
6. Huraikan konsep akhlak dalam Islam serta kepentingannya dalam pembentukan masyarakat Madani. [100 markah]